



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Kami : JPK.SKPP.UNP.S.500-3/20/4 Jld.7 (55)
Tarikh : 19 Februari 2019

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Semua Pengetua Sekolah Menengah,
Semua Guru Besar Sekolah Rendah,
Negeri Kedah Darul Aman.**

Tuan/Puan,

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sehubungan dengan itu, selepas surat keputusan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 diterima, tuan/puan hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-

- 2.1. Menyedia dan meluluskan Penyata Perubahan (Kew.8) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 di peringkat sekolah berpandukan contoh seperti di **Lampiran A**. Bagi melaksanakan arahan di atas, semua Guru Besar dan Penolong Kanan Sekolah Rendah (**kecuali sekolah kekurangan murid**) serta semua Pengetua dan Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Menengah dengan ini diberi kuasa untuk meluluskan Penyata Perubahan (Kew.8) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018.
- 2.2. Untuk **jawatan Guru Besar Sekolah Rendah dan Pengetua Sekolah Menengah serta anggota disekolah kekurangan murid (SKM B)**, Penyata Perubahan (Kew.8) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 hendaklah dikemukakan dalam 3 salinan berserta sesalinan surat keputusan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 berpandukan contoh seperti di **Lampiran A** ke Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing untuk kelulusan.
- 2.3. Sesalinan Penyata Perubahan (Kew.8) yang telah diluluskan serta sesalinan surat keputusan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 bagi **Sekolah Menengah Harian Biasa sahaja** hendaklah dikemukakan ke **Unit Perkhidmatan, Jabatan ini untuk rekod dan simpanan**. Bagi sekolah-sekolah lain, sesalinan Penyata Perubahan (Kew.8) yang telah diluluskan serta sesalinan surat keputusan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 hendaklah dikemukakan ke Pejabat Pendidikan Daerah atau sekolah di mana Buku Perkhidmatan Kerajaan anggota disimpan.

- 2.4. Anggota yang bertukar dalam daerah, antara daerah atau antara negeri, tuan/puan bolehlah memanjangkan surat asal keputusan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 kepada pegawai berkenaan, namun demikian sesalinan surat berkenaan hendaklah disimpan oleh Ketua Jabatan asal (sekolah asal) pegawai berkenaan bagi tujuan penyediaan Penyata Perubahan (Kew.8) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018.
3. Bagi tujuan pemberian insentif, penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 yang bertugas di sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah, tuan/puan diminta mengemukakan **SEGERA** ke Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing (U/P: Unit Kewangan) dokumen-dokumen berikut:-
- 3.1 Salinan surat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 yang telah disahkan,
 - 3.2 Salinan asal Penyata Perubahan (Kew.8) APC Tahun 2018 yang telah diluluskan dan
 - 3.3 Salinan Kad Pengenalan depan/belakang yang telah disahkan.
4. Sebarang pertanyaan tentang perkara ini, sila hubungi Urus Setia Panel Pembangunan Manusia, jabatan ini iaitu Encik Fandi Bin Shamsudin ditalian 04 7404145 dan Encik Mohd Sobri Bin Zakaria di talian 04-7404148.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ISMAIL BIN OTHMAN)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.

s.k.

- i) Semua Ketua Sektor
 - ii) Semua Penyelia ICT
- Sila masukkan surat ini dalam portal rasmi Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing.

Lampiran A

**CONTOH KEW.8
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018**

Butir-Butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No.Surat Kebenaran
Pemberian RM1,000.00 ke dalam Akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sebagai insentif bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 mengikut pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012		APC2018		PPD/ Bth